

HUKUM MELAKSANAKAN KORBAN BAGI ORANG LAIN

Ibadah korban merupakan salah satu syiar Islam yang disyariatkan kepada umat Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam untuk dilaksanakan pada Hari Raya Aidiladha dan hari-hari Tasyrik sebagai tanda ketaatan serta pendekatan diri kepada Allah Subhanahu wata'ala. Ia melambangkan semangat pengorbanan dan keikhlasan dalam menghulurkan yang terbaik demi meraih reda Allah.

Dalam pelaksanaannya, timbul persoalan tentang hukum melaksanakan korban bagi orang lain. Secara umumnya, hukum berkorban ialah sunat muakkad (sunat yang sangat dituntut) bagi orang Islam yang baligh, berakal, merdeka serta berkemampuan untuk melaksanakannya. Menurut jumhur ulama, orang yang mampu sunat melakukan korban dan makruh hukumnya jika dia tidak melakukannya sedangkan dia berkemampuan.

Berkenaan hukum melakukan korban bagi pihak orang lain pula, ia boleh dibahagikan kepada dua situasi iaitu:-

1. Melakukan korban bagi orang lain yang masih hidup.
2. Melakukan korban bagi orang lain yang telah meninggal dunia.

Korban bagi orang yang hidup

Tidak diharuskan melakukan korban bagi orang lain yang masih hidup dan tidak sah korban tersebut jika dilakukan melainkan dengan mendapat keizinan daripada orang tersebut. Ini kerana ibadah korban merupakan suatu ibadah manakala melakukan ibadah untuk orang lain adalah ditegah kecuali jika ada suruhan yang mengharuskan untuk berbuat sedemikian. Dalam perkara ibadah korban, adanya keizinan merupakan syarat yang mengharuskan seseorang itu melakukan korban bagi orang lain yang masih hidup.

Berbeza pula hukumnya apabila wali (bapa dan datuk sahaja) yang mana mereka ini boleh melakukan korban dengan kos perbelanjaan dikeluarkan daripada hartanya untuk orang-orang yang di bawah jagaannya tanpa perlu meminta izin mereka. Hal ini juga bertepatan dengan amalan Nabi SAW yang melaksanakan ibadah korban dan menyebut bahawa ia untuk diri baginda

dan juga ahli keluarganya. Ini berdasarkan sebuah hadith dari 'Aisyah RA yang mana meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW ketika menyembelih yang bermaksud:

بِسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنْ مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ وَمِنْ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ

Maksudnya: Bismillah, Wahai tuhan kami, terimalah daripada Muhammad dan daripada aali (keluarga) Muhammad dan daripada umat Muhammad.

(Hadis Riwayat Muslim, no.1967)

Korban bagi orang yang sudah meninggal dunia

Tidak harus bagi ahli waris mahupun orang lain melakukan korban bagi orang yang sudah meninggal dunia dan tidak sah korban yang dilakukan melainkan jika orang yang telah meninggal dunia itu pernah mewasiatkan sedemikian. Apabila orang yang diwasiatkan melakukan korban bagi pihak si mati, maka dia tidak boleh memakan daging tersebut dan juga tidak boleh menghadiahkannya kepada orang kaya kecuali jika ada keizinan awal daripada si mati. Oleh yang demikian daging tersebut wajib diagihkan kesemuanya kepada fakir miskin.

جَابِرُ مِفْطِي سِرَافِق
JABATAN MUFTI SARAWAK